

**KEBANGKITAN KELAS MENENGAH MUSLIM, DARI TRADISONAL, LIBERALISME, POSTRADISIONALISME HINGGA FUNDAMENTALISME.** Oleh: Mastuki H.S. Penerbit: Pustaka Dunia. 2010. Halaman 548.

Pengulas ingin memperkenalkan buku bertajuk *Kebangkitan Kelas Menengah Muslim, dari Tradisonal, Liberalisme, Postradisionalisme hingga Fundamentalisme* hasil garapan penulisan Mastuki H.S yang merupakan karya yang dihasilkan dari tesis kedoktoran beliau, lalu diolah sebagai buku. Setebal 548 halaman dan mengandungi 7 bab utama yang merujuk tidak kurang dari 500 rujukan termasuk buku, artikel popular, laman sesawang, artikel majalah, makalah dalam jurnal, bahan yang tidak diterbitkan seperti dokumen, tesis dan disertasi serta temuramah. Fokus utama karya adalah berkenaan dengan kelas menengah yang merujuk merujuk kepada kelompok sosial dalam masyarakat yang berada di antara golongan elit atau kaya dan golongan miskin atau rendah. Kelas menengah biasanya terdiri daripada individu yang mempunyai pendapatan yang stabil, pendidikan yang lebih tinggi, dan pekerjaan yang berstatus profesional atau teknikal. Sementara itu, fokus kedua pula adalah mobiliti sosial yang merujuk kepada pergerakan individu atau kumpulan dalam masyarakat dari satu kedudukan sosial ke kedudukan sosial yang lain. Mobiliti sosial ini boleh berlaku secara menaik (upward mobility) atau menurun (downward mobility) bergantung pada pergerakan status sosial individu.

Bab pertama yang bertajuk “Catatan Awal: Kebangkitan Kelas Menengah Santri”. Penulis telah membuat perbincangan dan ulasan sekitar kebangkitan kalangan santri sejak kemunculan Sarekat Islam pada 1911 dan diikuti Muhammadiyah pada 1912. Kemudian pula Nahdlatul Ulama pada 1926. Kumpulan ini adalah penanda kepada peningkatan Muslim dari kalangan santri ke kelas menengah. Disebabkan pada peringkat awal golongan ini tidak dianggap kelas menengah kerana kecenderungan bahawa sarjana terdiri dari kalangan mereka yang boleh berbahasa Belanda. Walaupun pada masa tersebut, santri tidak petah berbahasa Belanda, tetapi kalangan santri ini diperlukan dalam masyarakat. Pesantren bukan sahaja mendidik ilmu agama, tetapi turut mendidik penuntut memiliki sifat agresif, berdaya saing dan sekaligus ilmu ekonomi dan perniagaan pada para penuntut. Keadaan politik Belanda telah memisahkan antara kedua golongan iaitu nasionalis dan ulama. Pendidikan era Belanda merupakan strategi Belanda untuk membina kaum nasionalis yang berfikiran seperti mereka dan sekaligus untuk melenyapkan golongan ulama. Golongan nasionalis disogok dengan kedudukan dalam bidang politik. Hal ini telah menyebabkan kecelaruan identiti berlaku dalam kalangan nasionalis, dan kalangan ulama berusaha untuk menyedarkan mereka. Antaranya ialah Agus Salim yang dengan jayanya mendorong Syamsurizal menubuhkan Jong Islamieten Bond (JIB) pada 1925. Penubuhan JIB telah mendorong golongan muda berpendidikan Belanda mula mengkaji Islam. Kejayaan terserlah setelah berjaya menghasilkan pemimpin Islam dari kalangan nasionalis tadi. Walau bagaimanapun, menurut penulis keadaan kelas menengah Muslim dalam bidang politik dan ekonomi mengalami pasang surut sejak dari kemerdekaan. Berbeza pula dengan bidang pendidikan yang agak stabil, apabila pada 8 Julai 1945 Sekolah Tinggi Agama dibina di Jakarta dan merupakan inisiatif JIB. Sekolah Tinggi Agama akhirnya berkembang menjadi Institut Agama Islam Negeri (IAIN) pada 1960. Perkembangan tersebut memberi kesan terhadap pendidikan rendah dan menengah yang telah mula menerima sukatan pelajaran agama. Semenjak era Orde Baru (1970-1998), telah ada keseimbangan sukatan pelajaran yang sama, antara golongan santri (soleh) dan abangan (tidak soleh). Perkembangan Indonesia dalam aspek

ekonomi era Orde Baru tidak memberi kesan pada santri. Dari perkembangan ekonomi, terhasil revolusi pendidikan, yang menyebabkan masyarakat Muslim santri mula berminat menghantar anak mereka ke sekolah bercorak moden dan pada tahun 1980-an dan 1990-an, golongan santri mula menerima pendidikan moden sekaligus melonjakkan kedudukan mereka sebagai muslim terpelajar dan lantas diangkat menjadi Kelas Menengah Santri (KMS). Penulis meneruskan perbincangan berkenaan definisi operasi kajian dan limitasi kajian. Kelas menengah santri yang dibincangkan meliputi skop muslim sahaja, maka tidak dimasukkan skop non-muslim. Kelas menengah Muslim ditakrifkan sebagai seorang atau kelompok santri yang memiliki kedudukan relatif dalam masyarakat, yang memiliki latar belakang dan dasar-dasar pendidikan keagamaan Islam memadai (sebagai kriteria santri) dan lebih mengetahui ilmu pengetahuan dan modal budaya dalam melakukan mobiliti sosial. Santri pula memberi dua maksud, iaitu pertama merujuk pada pelajar atau penuntut di pondok atau pesantren dan kedua merujuk pada sekelompok masyarakat yang taat dan patuh pada agama Islam.

Bab seterusnya membincangkan teori kelas menengah kerana teori kelas menengah belum dapat dilihat dengan jelas, bagaimana untuk mengklasifikasi sekelompok manusia sebagai kelas menengah. Keseluruhannya, penulis melihat dan mengulas teori yang dikemukakan oleh Karl Marx (1818-1883) dan Max Weber (1864-1920). Karl Marx telah membahagikan anggota masyarakat menjadi dua kelas yang saling berlawanan iaitu kelas yang mendominasi (kelas atasan) dan kelas yang didominasi (kelas bawahan). Berbeza dengan Max Weber yang berpandangan bahawa kelas tidak sama dengan kelompok walaupun tindakan kelompok mungkin diambil berdasarkan kepentingan kelas yang sama. Beliau menambah bahawa kelas sosial tidak hanya ada dua atau tiga (atasan-pertengahan-bawahan), tetapi mengelompokkan masyarakat dalam tiga kelas iaitu kelas pemilikan, kelas pedagang dan kelas sosial. Kelas menengah santri dalam peta struktur kelas sosial masyarakat Indonesia sudah lama wujud. Kelahiran Sarekat Islam (1911), Sarekat Dagang Islam (SDI) dan Muhammadiyah (1912) adalah gerakan kebangkitan santri. Kemudian dengan kewujudan Nahdlatul Ulama (NU) tahun 1926, lahirnya organisasi yang mewadahi para ulama sebagai elit santri. Dengan menggunakan konsep kelas, penulis mendapati bahawa pemimpin-pemimpin dari kedua-dua kelompok santri ini (Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama) adalah sama-sama merupakan “kelas menengah santri”. Paparan tentang teori kelas, kelas menengah dan kelas menengah santri di Indonesia memiliki karektor khas dan unik seterusnya membezakannya dengan kemunculan kelas menengah di negara lain. Kajian tentang mobiliti sosial ternyata memperkuat lagi hujahan bahawa pendidikan memiliki peranan penting untuk menentukan sama ada golongan kelas sosial melakukan mobiliti vertikal dan horizontal.

Bab ketiga pula membincangkan sejarah mobiliti golongan santri dan perkembangan kelas menengah. Munculnya tradisi santri adalah daripada dua institusi pendidikan Islam terpenting iaitu pesantren dan madrasah. Pesantren di Indonesia umumnya dimiliki oleh para kiyai yang bersangkutan paut dengan Nahdlatul Ulama (NU) dan dipandang sebagai organisasi ‘Islam Tradisional’. Manakala, madrasah merupakan lembaga pendidikan yang umumnya didirikan oleh kaum muslim moden mengikut sekolah-sekolah model Belanda. Kedua-dua institusi ini menimbulkan dualisme dalam sistem pendidikan masyarakat Indonesia. Dualisme pendidikan menghasilkan orientasi dan wawasan masyarakat Indonesia yang berbeza personaliti (*split personality*) sesuai dengan karektor pendidikan masing-masing dan menyebabkan muncul pernyataan bahawa pesantren membahayakan, dan telah menempatkan pesantren pada posisi yang dicurigai. Akhirnya, hal ini telah melemahkan potensi Islam dalam lembaga pendidikan.

Kemunculan Sarekat Islam (1911), Muhammadiyah (1912), al-Irsyad (1915) telah melahirkan fahaman reformisme dan modernisme, dan mereka mula memberikan perhatian penting dalam kehidupan berorganisasi dan persatuan umat Islam. Pada tahun-tahun berikutnya semakin banyak organisasi Islam yang bergerak dalam bidang pendidikan mendirikan pelbagai sekolah dan madrasah dengan berbagai-bagai nama. Perkembangan pendidikan Islam pasca kemerdekaan (Orde Lama) sangat berkait dengan peranan Kementerian Agama yang rasmi ditubuhkan pada 3 Januari 1946. Kementerian inilah yang memperjuangkan politik pendidikan Islam di Indonesia secara meluas. Penubuhan Pendidikan Guru Agama (PGA) dan Pendidikan Hakim Islam Negeri (PHIN) di bawah naungan Kementerian Agama turut memainkan peranan penting sebagai pendukung utama kewujudan dan perkembangan madrasah serta pendidikan Islam di Indonesia. Lembaga-lembaga pendidikan Islam memainkan peranan terhadap gerakan mobiliti sosial anak-anak Muslim santri untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain Kementerian Agama, Parti Masyumi yang dibentuk melalui Mukhtar Islam Indonesia di Yogyakarta pada 7-8 November 1945 adalah satu-satunya institusi politik di kalangan santri, akan tetapi perpecahan dalam parti tersebut telah bermula apabila keluarnya SI pada tahun 1947 diikuti NU yang keluar dari Masyumi pada 1952. Akhirnya situasi ini membawa kepada pembubaran Masyumi dan mengakibatkan pembinaan pengusaha pribumi terbelengkalai. Hal ini mewujudkan pemain-pemain baru dalam bidang politik dan ekonomi Indonesia terutama golongan militari dan orang-orang Cina. NU yang mendukung Demokrasi Terpimpin menjadi 'pengganti' Masyumi dan muncul sebagai pelopor Islam terbesar meskipun pengaruhnya amat kecil.

Pemikiran Islam di Indonesia sesungguhnya mempunyai kaitan dan mata rantai dengan gerakan Islam yang muncul sejak abad ke-20. Muhammadiyah (1912), Al-Irsyad (1915), Sumatera Thawalib (1921), Persis (1923) dan Nahdlatul Ulama' (1926) adalah wakil utama dari gerakan Islam yang bergerak dalam bidang sosial-keagamaan, sementara dalam bidang politik dan ekonomi diwakili oleh Sarekat Islam (1911) yang merupakan pertukaran dari nama Sarekat Dagang Islam (SDI). Dinamika pemikiran Islam setidaknya telah melahirkan gagasan-gagasan penting tentang Islam sebagai gerakan kaum pribumi Indonesia, Islam sebagai gerakan politik kebangsaan, gerakan ekonomi kaum pribumi dan gerakan sosialis. Kehadiran SI tidak semata-mata menandakan kebangkitan "kelas menengah santri" dan munculnya pusat-pusat peradaban Muslim, tetapi sekaligus menjadi "petanda" tumbuhnya semangat intelektualisme dalam kalangan Muslim moden. Dalam kalangan golongan terpelajar Muslim, timbul kehairahan baru untuk membahaskan tentang Islam dalam konteks kebangsaan dan kehidupan yang moden. Penulis akhirnya menyimpulkan bahawa mobiliti kaum santri dan perkembangan kelas menengah terjadi dalam konteks sejarah tertentu. Era Orde Baru dan Orde Lama turut menyumbang terjadinya mobiliti sosial dalam kalangan santri. Pendidikan merupakan faktor yang mendorong terjadinya mobiliti sosial kaum santri kelas menengah dalam jumlah yang besar di Indonesia.

Bab keempat merangkumi asas kaum santri dan ruang lingkup perbincangan santri sama ada dari kalangan tradisionalisme dan modernisme. Secara umum, santri terbahagi kepada dua kelompok besar iaitu santri tradisional yang mewadahi organisasi keagamaan seperti NU, Nahdlatul Wathan, Perti, al-Washliyah dan sebagainya. Kelompok kedua iaitu santri moden yang merujuk kepada Sarekat Islam, Muhammadiyah, Persis, al-Irsyad, Masyumi dan lain-

lain. Model, pola dan corak keseragaman dua kelompok santri ini sangat dipengaruhi oleh pandangan dunia masing-masing terhadap Islam, pengalaman agama, faktor kemajuan Islam dan sebagainya. Penulis berikutnya membicarakan secara teratur sejarah, peranan dan perkembangan organisasi keagamaan. NU mula dibicarakan sejarah perkembangan yang hingga kini melahirkan beberapa lapisan generasi, antara contohnya ialah Gus Dur. Manakala Jong Islamieten Bond (JIB) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1925 dan JIB merupakan saluran penting bagi memindahkan ideologi Islam dari generasi tua ke generasi baru intelektual Muslim. Begitu juga kelompok Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Pelajar Islam Indonesia (PII), Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII) dan Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM). Kemudian menyoroti pendidikan santri yang melanjutkan pelajaran ke Al-Azhar dan lantas mewujudkan inisiatif pendidikan tinggi tersendiri di Indonesia seperti penubuhan Sekolah Tinggi Islam (STI) pada 1364H bersamaan 1945 di Jakarta dan kemudian berkembang menjadi Universiti Islam Indonesia dan akhirnya lahir banyak lagi institusi sedemikian. Penulis akhirnya menyimpulkan ada tiga jalur tentang asal-usul sosial santri iaitu basis sosial-kultural, basis intelektual dan afiliasi kelembagaan. Peranan dan mobiliti mereka akan ditentukan jalannya dalam sejarah umat Islam Indonesia di kemudian hari contohnya seperti apakah 'gambaran wajah' mereka? Akan dikupas oleh penulis dalam pembahasan bab yang berikutnya.

Perbincangan berkenaan peranan dan mobiliti santri pula adalah skop dalam bab kelima. Kejatuhan regim Soekarno pada 1966 telah melonjakkan Orde Baru dan sekaligus merangsang kemajuan dan menyaksikan Indonesia melaksanakan "revolusi pendidikan". Bermula di sinilah berlaku pertumbuhan yang cepat dari aras pendidikan menengah dan pendidikan tinggi sejak 1970-an. Pada akhir dekad 1980-an, dianggarkan sebanyak dua juta penduduk Indonesia telah berjaya sampai ke tahap pendidikan tinggi dan sebahagian besar mereka terdiri dalam kalangan umat Islam. Kini kelas menengah santri baru (*neo-santri*) telah lahir di bumi pertiwi. Berbeza dengan kelas menengah santri lama, kelas menengah santri baru ini datang daripada pelbagai kelompok sosial dengan mempunyai asal-usul yang pelbagai. Dalam aspek politik, generasi santri baru juga menampilkan ciri yang berbeza dengan santri lama. Mereka tidak mendapat pendidikan politik dengan cara menyertai parti, tetapi dimatangkan melalui organisasi-organisasi di kampus seperti HMI, PII, IMM dan LDK. Secara keseluruhan, penulis menyimpulkan bahawa pembangunan ekonomi dan transformasi pendidikan secara bertahap selama berpuluh tahun pemerintahan Orde Baru telah berhasil mendorong gerakan mobiliti sosial warganegara dari pelbagai kelompok dan kelas sosial, tidak terkecuali kaum muslimin atau kaum santri. Melalui 'jambatan' pendidikan anak-anak santri dari pelbagai lapisan (kelas menengah atau kelas bawahan) yang berasal daripada kota atau desa meniti arus mobiliti sosial secara vertikal dan horizontal. Telah wujud 'generasi santri baru' yang merupakan kelompok kelas menengah baru dalam peta kelas menengah di Indonesia. Oleh kerana proses mobiliti sosial mereka adalah melalui pendidikan, maka pendidikan memainkan peranan sebagai *mediating role* dalam kelas menengah kaum santri.

Ruang lingkup dan penyebaran dakwah dalam kalangan kelas Menengah Santri menjadi fokus perbincangan dalam bab keenam. Ruang mobiliti sosial dalam tulisan ini menurut penulis meliputi enam bidang iaitu angkatan bersenjata, lembaga pendidikan, lembaga keagamaan, organisasi politik, organisasi ekonomi dan organisasi keahlian. Skop penyebaran kelas menengah santri yang dibincangkan penulis hanya melalui dekad 1970-an hingga 1990-an sahaja. Permulaannya apabila pada 9 Mei 1967 tertubuhnya Dewan Dakwah Islamiyah

Indonesia (DDII) yang diketuai oleh M. Natsir, dan diikuti Perguruan Tinggi Dakwah Islam (PTDI) pada tahun 1963. Dalam kalangan mahasiswa pula, pelopor gerakan ini adalah Remaja Masjid (Remas) yang dimulakan pada tahun 1970-an dan mula bangkit pada akhir dekad 1970-an di mana mereka menyahut tekanan Orde Baru dengan memantapkan struktur dan arah gerakan yang lebih konsisten. Tingginya semangat dakwah dalam kampus mengilhamkan aktivis dakwah lain mendirikan Lembaga Pendidikan Islam Al-Hikmah yang dipimpin oleh Ustaz Abdul Hasib Hasan untuk memberi kesempatan kepada para mahasiswa mempelajari Islam secara lebih mendalam dan benar. Perkembangan gerakan dakwah dalam kampus dekad 1980-an tidak berjalan dengan sendiri melainkan dikaitkan dengan faktor lain yang turut menyuburkan gerakan dakwah yang sudah berkembang berikutan para mahasiswa yang belajar di Timur Tengah telah pulang ke tanah air dan sejumlah sarjana Muslim yang mempunyai Ph.D atau Master dari pelbagai universiti Barat. Para bekas aktivis dakwah kampus ini berperanan dalam memperkuat kredibiliti intelektual dari gerakan masjid. Selain itu, turut memberi ruang mobiliti lain adalah lembaga perguruan tinggi Islam terutamanya IAIN yang ditubuhkan pada tahun 1960. Antara tokoh yang mewarnai IAIN adalah Harun Nasution, Mukti Ali, Nurcholish Madjid dan Munawir Sadzali. Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM) merupakan salah satu lagi alternatif yang mula berkembang pada 1970-an. LSM terkemuka ini didirikan oleh para kalangan intelektual sosialis yang bergabung dalam Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi & Sosial (LP3ES). Manakala transformasi sosial-ekonomi dalam kalangan umat Islam sejak 1980-an harus diakui telah menghasilkan peningkatan dan kekuatan kelas menengah hingga menjadi faktor politik yang cukup signifikan. Sejarah penubuhan Lembaga Keuangan Syariah (LKS) tidak boleh dipisahkan dari gagasan pendirian Bank Islam (bank syari'ah). Akhirnya mendorong penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) pada 1 November 1991. Setelah dua tahun beroperasi, bank syari'ah dan BMI mula mewujudkan sistem insurans Islam pertama di Indonesia iaitu Syarikat Takaful dan menjadi salah satu pemegang sahamnya. Berikutnya, peranan ulama dalam mendorong penerapan ajaran Islam dalam kehidupan ekonomi semakin ketara ketika MUI (Majlis Ulama Indonesia) mendirikan Dewan Syari'ah Nasional (DSN) pada Julai 1997 dan Dewan Pengawas Syariah (DPS). Fungsi utama DSN adalah untuk mengawal dan mengarahkan lembaga-lembaga keuangan syariah (bank, syarikat insurans, dll.) agar sesuai dengan syariah. Penulis akhirnya menyimpulkan perbincangan dari bab ini bahawa ruang-ruang mobiliti sosial yang tersedia bagi kaum santri sejak dekad 1970-an sehingga 1990-an adalah merangkumi pelbagai corak. Antara saluran-saluran mobiliti vertikal seperti birokrasi pemerintahan, perguruan tinggi atau kampus, LSM, persatuan dan media massa, lembaga-lembaga keislaman, lembaga-lembaga ekonomi (kewangan syariah), wirausaha, seni, aktiviti dakwah, organisasi sosial, parti politik dan filantropisme Islam.

Bab ketujuh yang bertajuk "Catatan Akhir: Masa Depan Kelas Menengah Santri Di Indonesia". Bab ini meliputi halaman 505 hingga 511. Penulis menyatakan bahawa tidak mudah menentukan masa depan kelas menengah santri. Gambaran masa depan kelas menengah santri sangat ditentukan seperti peranan mereka hari ini, tentangan-tentangan yang mereka hadapi, reaksi yang dihadapi dan hasil yang diwujudkan dari perkembangan tersebut. Akhir sekali, buku ini telah berjaya menjelaskan mobiliti kelas menengah santri sepanjang dekad 1970 hingga 1998. Namun, buku ini tidak menyingkap gerakan dan mobiliti kelas pedagang, petani kaya, birokrat Muslim, politik Muslim dan perempuan Muslimah secara menyeluruh. Buku ini juga tidak menyentuh tentang gerakan dan mobiliti tokoh-tokoh dalam tarekat, tokoh-tokoh pada lembaga-lembaga sosial-keagamaan, birokrasi, lembaga kewangan dan sebagainya akibat kekangan masa dan jika disebut secara umum, cakupannya

belum mencukupi. Penulis mengharapkan agar ada penelitian-penelitian secara mendalam dilakukan tentang mobiliti kelas menengah Muslim-santri seperti yang dijelaskan di atas pada masa akan datang.

### **Penilaian dan Ulasan**

Berdasarkan naratif keseluruhan kandungan buku, dapat disimpulkan bahawa mobiliti sosial adalah satu isu yang amat kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pendidikan, ekonomi, globalisasi, dan dasar sosial. Dalam dunia semasa, cabaran-cabaran ini menjadi lebih ketara kerana jurang antara golongan kaya dan miskin semakin melebar, dan akses kepada peluang semakin terhad. Untuk meningkatkan mobiliti sosial, adalah penting untuk kerajaan dan masyarakat memberikan perhatian kepada pendidikan yang berkualiti, peluang pekerjaan yang adil, dan dasar-dasar yang mengurangkan ketidaksamaan ekonomi. Tanpa tindakan yang jelas, mobiliti sosial mungkin akan terus menjadi suatu aspirasi yang sukar dicapai bagi ramai individu dalam masyarakat. Bagaimanapun, penghujahan yang menarik dibawa penulis adalah dengan memberikan nilai perkembangan mempunyai asas seperti pendidikan. Faktor utama yang membolehkan kelas menengah santri berkembang adalah pendidikan. Buku ini menekankan bahawa pendidikan Islam yang moden, yang diperkenalkan dalam era Orde Baru, berperanan sebagai alat mobiliti sosial. Ini berkaitan dengan fenomena global di mana pendidikan dianggap sebagai kunci untuk mengatasi kemiskinan dan mencapai status sosial yang lebih baik. Dalam konteks semasa, fenomena ini turut berlaku di negara-negara Islam lain, di mana peningkatan pendidikan agama dan moden telah memberi peluang kepada golongan yang sebelum ini berada di pinggir untuk naik ke kelas menengah. Kelas menengah santri menjadi contoh bagaimana pendidikan dapat merubah status sosial individu, sesuatu yang turut berlaku dalam masyarakat global yang lebih terbuka kepada pendidikan.

Bagaimanapun, kebergantungan pada teori kelas menengah teori klasik Karl Marx dan Max Weber dalam membincangkan kelas sosial juga menjadi asas penting hala tuju perbincangan. Teori oleh Marx sebenarnya bersifat terhad disebabkan kebergantungan terhadap ekonomi, sementara itu teori Weber yang kompleks dengan dimensi kelas, status dan kuasa politik pula kurang praktikal. Justeru, pembukaan kebergantungan terhadap teori kelas sosial moden dapat membantu capaian yang lebih baik. Ini berkaitan dengan fenomena global di mana pendidikan dianggap sebagai kunci untuk mengatasi kemiskinan dan mencapai status sosial yang lebih baik. Dalam konteks semasa, fenomena ini turut berlaku di negara-negara Islam lain, di mana peningkatan pendidikan agama dan moden telah memberi peluang kepada golongan yang sebelum ini berada di pinggir untuk naik ke kelas menengah. Kelas menengah santri menjadi contoh bagaimana pendidikan dapat merubah status sosial individu, sesuatu yang turut berlaku dalam masyarakat global yang lebih terbuka kepada pendidikan.

Selain itu, pandangan penulis dengan perjalanan mobiliti kelas menengah santri yang tidak lancar juga menarik untuk dibicarakan. Kelas ini menghadapi pelbagai cabaran, baik dari aspek ekonomi, politik, mahu pun budaya. Sebagai contoh, kebangkitan gerakan fundamentalis yang kini semakin mendapat tempat di banyak negara Islam menunjukkan cabaran besar terhadap kelas menengah Muslim yang lebih moderat dan progresif. Dalam dunia semasa, dengan konflik geopolitik dan isu agama yang melibatkan ideologi Islam yang berbeza-beza, kelas menengah Muslim sering terperangkap di tengah-tengah, berusaha mempertahankan identiti mereka yang berpendidikan dan moden, namun tetap terikat dengan

nilai-nilai agama yang kuat. Kelas menengah santri di Indonesia, khususnya, menjadi simbol ketegangan antara tradisionalisme dan modernisme.

## **Kesimpulan**

*Kebangkitan Kelas Menengah Santri: Dari Tradisionalisme, Liberalisme, Postradisionalisme hingga Fundamentalisme* telah menggarap dengan baik perkembangan dan mobiliti santri, serta perkembangan kelompok santri samada tradisionalisme atau modernisme. Buku ini merupakan sebuah garapan berkesan menjangkau keseluruhan aspek santri, sama ada dari segi sejarah, perkembangan, peralihan dan kebangkitan. Bahan ini boleh dicadangkan sebagai satu bahan bacaan asas untuk memahami konsep kelas menengah sekaligus membolehkan pembacanya memahami dan mengadaptasi untuk kajian di Malaysia.

## **Rujukan**

Mastuki. H.S. 2010. *Kebangkitan Kelas Menengah Santri: Dari Tradisionalisme, Liberalisme, Postradisionalisme hingga Fundamentalisme*. Indonesia: Pustaka Dunia.

## **Daftar Istilah Indonesia-Malaysia**

Santri → Pelajar agama

Pesantren → Pondok

Madrasah → Sekolah agama

Kaum pribumi → Orang asal / Bumiputera

Masyumi → Nama parti politik Islam di Indonesia

Orde Baru → Era pemerintahan baharu

Orde Lama → Era pemerintahan lama

Kementerian Agama → Kementerian Hal Ehwal Agama

Mahasiswa → Pelajar universiti

Remaja Masjid (Remas) → Persatuan Belia Masjid

Lembaga Pendidikan → Institusi Pendidikan

Jong Islamiyeten Bond (JIB) → Kesatuan Pemuda Islam

Angkatan bersenjata → Pasukan tentera

Keahlian → Keanggotaan

Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII) → Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia

Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM) → Ikatan Pelajar Muhammadiyah

Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia (DDII) → Majlis Dakwah Islam Indonesia

Gerakan mobiliti sosial → Pergerakan sosial

Lembaga keagamaan → Institusi agama

Transformasi pendidikan → Perubahan sistem pendidikan

**Siti Aisah Samsuri & Hanif Md Lateh**

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE)

Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak

21300, Kuala Nerus

Terengganu